



28 Jun 2012
28 June 2012
P.U. (B) 213

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC
PURPOSE*



DISIARKAN OLEH /
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA /
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 560/1991* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 17 Oktober 1991, pada menjalankan kuasa di bawah subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Kanun Tanah Negara) 1974 [*P.U. (A) 56/1974*], yang diberikan kepada Kerajaan Persekutuan dan diwakilkan kepadanya melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *P.U. (B) 108/2003* pada 3 Mac 2003, Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mengisytiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 39, yang terletak di dalam seksyen 60 Bandar Kuala Lumpur, seluas 1580 meter persegi yang ditandakan di atas No. Pelan P.A. 100078, menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk surau dan telah menetapkan bahawa Yang di Pertua Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu:

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakili penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah